NO. SOALAN : 230

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN/BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan inisiatif yang diambil oleh Kementerian bagi membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berubah dari sistem ekonomi tradisional ke ekonomi baharu yang berinovasi di dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan Teras Strategik Keempat di bawah Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030), Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) dipertanggungjawabkan untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui perusahaan berteraskan inovasi yang mendokong perubahan dari sistem ekonomi tradisional kepada ekonomi baharu melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif, di antaranya seperti berikut:

(i) menyediakan bantuan bersasar untuk menggalakkan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengguna pakai dan mengadaptasi Industri 4.0 bagi meningkatkan *capacity* dan *capability* syarikat, memperbaiki sistem pengurusan perniagaan dan operasi yang lebih terkini dan efektif, meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan serta mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan tenaga kerja buruh;

(ii) memperkukuh ekosistem inovasi bagi memenuhi kehendak ekonomi masa depan yang merangkumi aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengkomersialan serta pembiayaan;

(iii) memantapkan kolaborasi antara agensi Kerajaan, industri, institusi penyelidikan dan usahawan dalam bidang teknologi dan inovasi;

(iv) melaksanakan program-program berimpak tinggi (*High Impact Programme* - HIP) seperti *Technology Commercialisation Platform* (TCP) yang menyediakan platform yang memberi bantuan menyeluruh kepada PKS yang berinovasi ke arah pengkomersialan bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing;

(v) melaksanakan Program Inovasi Inklusif bagi memperkasa kumpulan berpendapatan rendah (B40) dengan memanfaatkan kaedah inovasi; dan

(vi) menggalakkan transformasi masyarakat termasuk perusahaan mikro di kawasan luar bandar melalui latihan *handholding* serta sokongan kewangan dan pengurusan teknikal.

2. Di samping itu, MED juga sedang giat membangunkan Platform Digital PKS Kebangsaan bagi memastikan usahawan PKS dibantu dengan memberi nilai tambah yang signifikan menggunakan pendekatan teknologi digital. Sistem maklumat berpusat ini akan mengintegrasikan data usahawan dan maklumat keusahawanan secara lebih komprehensif dan ekstensif.

3. Komponen utama Platform Digital PKS Kebangsaan iaitu *ScoreXcess* telah dilancarkan pada 30 September 2019 melalui inisiatif pembiayaan di bawah SME Bank. Ia merupakan portal sehenti yang membolehkan usahawan mikro dan PKS mendaftar dan memohon pembiayaan daripada agensi-agensi yang menawarkan kemudahan pembiayaan khusus mengikut keperluan perniagaan mereka dengan cepat, mudah dan selamat. Selain itu, usahawan boleh memantau status permohonan melalui portal dan aplikasi mudah alih *ScoreXcess*.

Sehingga kini, sebanyak 456 permohonan telah diterima melalui platform *ScoreXcess* dan sebanyak 21 permohonan telah diproses melalui agensi yang berdaftar di bawah platform ini.

4. Selain kemudahan pembiayaan, MED turut membantu PKS berubah dari sistem ekonomi tradisional kepada ekonomi baharu melalui latihan keusahawanan dan program pembangunan kapasiti yang lebih bersasar bagi meningkatkan kemahiran usahawan dalam menguruskan perniagaan, di antaranya seperti berikut:

(i) Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) melaksanakan inisiatif penyediaan minda (*mindset*) melalui program *Design Thinking* and *Service Design* yang diselaraskan melalui pengenalan kepada teknologi terkini, penggunaan media digital, e-dagang, *big data* dan *Internet of Things* (IoT) dalam usaha memberi pendedahan peluang pembangunan perniagaan berimpak tinggi dan berdaya tahan kepada usahawan;

(ii) pelaksanaan program MaGIC *Mentorship* iaitu program pementoran di antara *start up* dan pengasas usahawan *start up* serta ikon industri yang berpengalaman dalam memahami pasaran dan kehendak pelanggan masa kini;

(iii) pelaksanaan program pembangunan kapasiti serta latihan dalam talian (*online*) dan digitalisasi seperti *Women Netpreneur 2018/2019: eCommerce adoption* oleh SME Corporation; dan

(iv) pelaksanaan program *Youths Go Digital* oleh SME Corporation iaitu sebuah program capaian bertujuan untuk mendidik serta mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar universiti dan vokasional tentang kepentingan dunia digital dan trend utama dalam perniagaan e-dagang dalam talian.

Sekian, terima kasih.